

**RED: Koreografi Kehidupan Mak Nyah**

**RED: *Choreography of the Life of Mak Nyah***

**Mohamed Na'im Syah Razad**

Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

**Premalatha Thiagarajan**

Fakulti Seni Kreatif, Universiti Malaya  
premalatha@um.edu.my

**Abstract**

RED is a work that focuses on the life experiences of a Mak Nyah. This study does not represent the Mak Nyah community as a whole but rather focuses on the lived experiences of a selected Mak Nyah dancer. The life of this Mak Nyah provides insights into gender politics, particularly the challenges and obstacles faced by Mak Nyah individuals. Mak Nyah is a term used in Malaysia to refer to the transgender/transsexual community within the LGBTQ+ (Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender, and Queer) community. The Mak Nyah dancer is focused here and actively performs in nightclubs. This study employs the concept of ambivalence to illustrate the uncertainty in her life and her identity. Data is drawn from ethnographic research, serving as primary elements and concepts for the creation (choreography) of the contemporary work. The work is divided into four acts that explore various issues faced by Mak Nyah in society, generated through the oral history of the life and experiences of a real Mak Nyah.

**Keywords:** Mak Nyah, RED, Contemporary Dance, Ambivalence

**Abstrak**

RED merupakan sebuah karya yang memfokuskan kepada pengalaman hidup seorang Mak Nyah. Kajian ini tidak mewakili masyarakat Mak Nyah secara meluas tetapi ianya menumpukan kepada pengalaman hidup seorang penari Mak Nyah yang terpilih. Kehidupan Mak Nyah ini memberi penjelasan mengenai politik *gender*, khususnya cabaran dan

halangan yang dihadapi oleh Mak Nyah. Mak Nyah merupakan kategori yang digunapakai di Malaysia untuk merujuk kepada golongan Transgender/Transeksual dari komuniti LGBTQ+ (*Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender* dan *Queer*). Penari Mak Nyah yang dikaji disini terlibat dengan aktifnya dalam persembahan di kelab malam. Kajian ini menggunakan konsep *ambivalence* untuk menunjukkan ketidakpastian dalam kehidupan beliau dan identiti beliau yang tidak stabil. Data kajian ini diambil dari kajian etnografi yang dilakukan, dimana ianya menjadi elemen dan konsep utama bagi penciptaan (koreografi) karya kontemporari ini. Karya ini terbahagi kepada empat babak yang mengeksplorasi isu-isu yang dihadapi oleh Mak Nyah dalam masyarakat yang dijana melalui sejarah lisan kehidupan dan pengalaman Mak Nyah yang sebenar.

**Kata kunci:** Mak Nyah, *RED*, Tari Kontemporari, *Ambivalence*

## Pengenalan

Di Malaysia, golongan transgender dan transeksual adalah dua istilah yang berbeza. Menurut panduan media yang ditulis oleh Justice for Sisters, “*transgender* merupakan istilah yang digunakan sebagai ‘*umbrella term*’ untuk merangkumi individu yang mendapati naluri, perasaan, cara dia melihat diri sendiri dan pengalaman hidup mereka berlawanan dengan jantina dan/atau *gender* yang dilahirkan, iaitu lelaki atau perempuan” (Justice for Sisters, 2015, ms. 4). Mak Nyah tergolong dalam kumpulan bukan sahaja *transgender* tetapi juga *transsexual*. Trans bermaksud berada “di antara” (*in-between, neither this nor that*). Terdapat pelbagai jenis gelaran yang diberikan kepada golongan ini. Selain dikenali sebagai “bapok” dan “pondan”, gelaran “Mak Nyah” adalah lebih popular. Dalam kategori “*transgender/transsexual*”, ada individu yang telah menukar jantina melalui prosedur pembedahan dan ada yang tidak melalui pembedahan secara sepenuhnya. Oleh itu, identiti sebenar Mak Nyah adalah tidak jelas dan lebih rumit kerana mereka boleh di-definisikan sebagai seorang individu yang dilahirkan secara biologinya sebagai lelaki tetapi telah melalui salah satu atau kedua-dua bentuk proses penukaran iaitu, 1) penukaran kostum dan penampilan kepada seorang wanita, 2) menukar organ jantintanya melalui pembedahan (*sex re-assignment surgery*).

Mak Nyah adalah satu panggilan yang telah dihasilkan untuk membezakan diri mereka daripada golongan-golongan yang lain. Ini adalah penting bagi golongan Mak Nyah kerana mereka tidak mahu diri mereka dilihat dan dilabel dan dicemuh dengan panggilan nama yang tidak menyenangkan seperti “bapak”, “darai”, “pondan” dan “bantul”.

Mak Nyah di Malaysia tidak digalakkan disebabkan mereka sering dipandang serong, dihina dengan panggilan nama, ditindas dan hak mereka untuk menuntut keadilan seperti tidak diendahkan. Walaupun begitu, segelintir memilih untuk menjadi penari di kelab malam, juru solek, pereka *fashion*, dan ahli media. Golongan Mak Nyah ini sentiasa mendapat tentangan daripada kerajaan, masyarakat, dan media apabila mereka ingin melakukan sesuatu aktiviti. Oleh itu, golongan ini bergerak secara rahsia semasa berada ditempat umum. Apabila berhadapan dengan masyarakat, Mak Nyah cuba sedaya upaya untuk tidak menonjol dari segi pemakaian, pergaulan, dan percakapan. Perkara ini sentiasa di praktikkan oleh Mak Nyah supaya masyarakat tidak sedar akan kehadiran mereka apabila berada di luar. Walaupun begitu, situasi mereka berubah mengikut konteks. Mereka bergerak dengan lebih bebas dan mereka diterima dengan baik di tempat-tempat yang tertentu. Di sini, kami ingin memfokuskan kajian ini kepada Mak Nyah yang menceburi dunia tarian, seperti penari di kelab-kelab eksklusif. Walaupun mereka ditindas dan di ketepikan diluar, mereka lebih menonjol di kelab malam. Mak Nyah dan kelab malam saling memerlukan satu sama lain untuk keuntungan mereka sendiri. Persembahan mereka yang berbentuk eksklusif mendapat permintaan yang sangat tinggi dalam kalangan pengunjung kelab.

Menjadi seorang penari di kelab malam merupakan satu pekerjaan yang penuh dengan tarikan. Bagi penari Mak Nyah yang dikaji, selain dari memakai kostum yang menjolok mata dan menampilkan bentuk badan, Mak Nyah ini mengekspresikan seksualiti dan kecantikannya secara terbuka. Perkara utama disini adalah penari Mak Nyah tidak perlu berselindung untuk mempamerkan identitinya sebagai seorang Mak Nyah di kelab malam. Kewujudan Mak Nyah di dalam kelab malam tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak, malah ianya disanjung dan dipuji. Di dalam kelab, persembahan yang dilakukan oleh Mak Nyah adalah satu persembahan yang luar dari kebiasaan dimana pergerakan yang dilakukan lebih berunsur “seksi” dan penuh dengan keghairahan. Kostum yang digunakan sangat menonjol sehinggakan menampilkan susuk tubuh badan. Mak Nyah akan membuat pelbagai cara untuk menonjolkan diri

supaya menjadi tarikan kepada pengunjung untuk menyaksikan persembahan di dalam kelab malam. Ini merupakan faktor yang menjadikan persembahan Mak Nyah berlainan dari persembahan tari yang lain.

Oleh kerana tingkahlaku serta kedudukan mereka sentiasa berubah dan tidak stabil semasa di dalam kelab dan di luar kelab, kami menggunakan teori *ambivalence*. *Ambivalence* merupakan satu perasaan dan keadaan yang berlaku apabila seseorang individu itu mempunyai dua perasaan yang berlawanan pada satu masa yang sama. *Ambivalence* dalam erti kata lain boleh ditafsirkan sebagai tidak pasti terhadap sesuatu perasaan. Menurut (Buchanan, 2018, para. 1) "*ambivalence is the experience of having more than one feeling or perspective about the same event or situation*". Kajian ini memfokuskan *ambivalence* untuk melihat keadaan atau situasi yang berlaku (di dalam dan di luar kelab), dan bukannya dari sudut psikologi.

Seperti yang dinyatakan oleh penari Mak Nyah, apabila beliau membuat persembahan kabaret di dalam kelab malam, penari Mak Nyah bebas mengekspresikan diri sebenar beliau tanpa segan. Ketika di dalam kelab malam, Mak Nyah tidak perlu risau memikirkan identiti beliau sebagai seorang Mak Nyah, malah beliau pasti akan identiti beliau diterima oleh pengunjung kelab malam. Penari Mak Nyah menegaskan bahawa ketika membuat persembahan kabaret, beliau berasa sangat berkuasa dan sangat berkeyakinan dengan identiti dan diri beliau sebagai seorang Mak Nyah.

Ketika membuat persembahan, penari Mak Nyah ini dipuji, dihargai dan diraikan, dan tiada ada sifat prejudis terhadap beliau. Perkara ini dapat dilihat semasa kajian etnografi bersama penari Mak Nyah ini apabila beliau membuat persembahan di satu majlis tertutup. Interaksi antara penari Mak Nyah ini dan pengunjung sangat memberangsangkan. Pengunjung terhibur dengan persembahan beliau.

Hasil dari perbincangan dengan penari Mak Nyah, kami mengetahui situasi sebenar yang dilalui oleh Mak Nyah di Malaysia. Mak Nyah mengharapkan agar masyarakat menerima mereka tanpa mempersoalkan identiti "*gender*" bukan normatif mereka sebagai seorang Mak Nyah. Ini merupakan satu situasi yang sukar untuk dicapai kerana masyarakat jelas tidak dapat menerima golongan Mak Nyah dan menganggap Mak Nyah

sebagai satu golongan yang berada pada kedudukan yang hina dan rendah. Kami menggunakan cerita-cerita kehidupan Mak Nyah sebenar sebagai bahan untuk mewujudkan karya *RED* serta menggunakan penari Mak Nyah sebagai subjek utama dan sebagai pengantara kepada suara-suara Mak Nyah yang lain. Sebagai seorang Mak Nyah, beliau tetap dengan pendirian dan sedar akan kedudukan sebenar beliau, akan tetapi, beliau dan Mak Nyah yang lain sedar bahawa masyarakat sememangnya tidak menerima kedudukan mereka sebagai seorang Mak Nyah di Malaysia.

### **Persembahan *RED***

Persembahan *RED* dibuat secara dalam talian semasa pandemik Covid-19. Ia merupakan persembahan yang memfokuskan kepada seorang penari Mak Nyah dengan menumpukan naratif kepada kehidupan beliau sebagai seorang penari kabaret dan pengalamannya sebagai seorang Mak Nyah ketika berhadapan dengan masyarakat. Koreografer (Pengkaji 1) cuba untuk menyelami dan memberi fokus kepada segala aspek di dalam dan di luar kelab malam yang dihadapi oleh penari Mak Nyah ini. Selain penari Mak Nyah ini, empat penari wanita (bukan Mak Nyah) digunakan dalam persembahan tarian ini. Karya *RED* merupakan sebuah produksi tari kontemporari yang berdurasi 25 minit.

Melalui karya *RED*, koreografer mengetengahkan penari Mak Nyah sebenar dan melihat bagaimana situasi, keadaan, pengalaman dan perjalanan kehidupan Mak Nyah tersebut, yang merupakan seorang penari kabaret di kelab malam. Karya *RED* mengkaji isu seperti buli dan penindasan yang dihadapi oleh Mak Nyah dan tahap penerimaan masyarakat terhadap identiti beliau. Koreografer menggunakan pengalaman dan kehidupan penari Mak Nyah ini dimana, situasi disebalik perasaan ketidakpastian atau *ambivalence* terhadap identiti penari Mak Nyah ini dijadikan inspirasi dalam penghasilan karya *RED*. Disebabkan isu dan masalah yang perlu dihadapi oleh penari Mak Nyah ini terhadap diri sendiri dan juga masyarakat, penari Mak Nyah ini mengalami perasaan ketidakpastian dan sentiasa berada di dalam keadaan *ambivalence*.

Bagi mengetengahkan isu yang dihadapi oleh Mak Nyah ini, karya *RED* di bahagikan kepada empat babak. Babak pertama adalah monolog, dimana beliau menceritakan kehidupan dan pengalaman beliau sebagai seorang Mak Nyah dan juga sebagai seorang penari kabaret. Babak kedua menunjukkan interaksi bersama wanita dimana babak ini mengetengahkan

isu dan masalah yang dihadapi oleh Mak Nyah apabila beliau berhadapan dengan wanita lain. Babak ketiga adalah babak dimana masyarakat mula membuli dan menindas beliau disebabkan oleh penampilan dan identiti beliau. Babak terakhir adalah babak dimana Mak Nyah ini bersuara bagi pihak Mak Nyah yang lain. Beliau menyuarakan masalah, harapan, impian dan situasi Mak Nyah yang lain.

### **Objektif Karya *RED***

Tujuan utama karya *RED* bukanlah untuk menghasilkan dan mempersembahkan satu karya tari kontemporari yang mengutamakan keindahan estetika pergerakan, akan tetapi, kekuatan karya *RED* adalah dari segi isi kandungan isu sosial yang memfokuskan kepada subjek golongan Mak Nyah yang sering diketepikan. Karya *RED* adalah sebuah karya berbentuk akademik yang mengkaji isu Mak Nyah seperti buli, penindasan, kehidupan, dan penerimaan atau penolakan.

### **Tajuk**

Perkataan *RED* diambil dari maksud warna merah pada bendera LGBTQ+ yang bermaksud kehidupan. Kami merasakan bahawa tajuk *RED* amat bersesuaian dengan karya ini kerana ianya memberi penekanan kepada isu *gender* yang bukan normatif. Tajuk *RED* terhasil dari jalur yang terdapat pada bendera LGBTQ+ yang berwarna merah. Setiap jalur pada bendera LGBTQ+ mempunyai makna yang tersendiri dan warna merah bermaksud kehidupan. Pada masyarakat umum, ia hanyalah warna merah sahaja, akan tetapi bagi komuniti LGBTQ+, warna merah ini memberi makna yang sangat mendalam. Kami mengambil idea maksud kehidupan pada bendera LGBTQ+ dan mentafsirkan ke dalam karya tari kontemporari ini.

### **Penari dalam *RED***

Oleh kerana karya *RED* merupakan sebuah persembahan tari yang mengutamakan sejarah kehidupan dan pengalaman seorang penari Mak Nyah, adalah penting untuk menggunakan Mak Nyah sebenar di dalam karya ini. Pemilihan penari Mak Nyah ini sebagai penari utama adalah kerana beliau tidak mempunyai sebarang isu dan halangan untuk menonjolkan diri malah beliau amat selesa untuk berkomunikasi dan menari di hadapan khalayak ramai. Beliau juga mempunyai sifat keyakinan diri yang tinggi. Pemilihan untuk menggunakan penari Mak

Nyah ini juga adalah kerana beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam dunia Mak Nyah, tambahan juga, beliau merupakan seorang penari kabaret yang popular di kelab malam. Perkara ini membuatkan beliau memahami situasi dan perjalanan hidup seorang Mak Nyah dan juga seorang penari kabaret kelab malam.

Beberapa penari Mak Nyah lain juga dijemput untuk menyertai persembahan *RED*, akan tetapi, mereka tidak mahu diri mereka diketahui umum dan menjadi tumpuan utama di dalam persembahan ini. Mereka lebih selesa untuk ditemu bual dan identiti mereka ini diselindung bagi menjaga keselamatan mereka. Data yang diperolehi melalui sesi temu bual yang dijalankan digunakan sebagai bahan untuk mengukuhkan karya *RED*. Menggunakan Mak Nyah sebenar sebagai penari utama dalam karya *RED* merupakan satu perkara utama dalam karya *RED*. Jika menggunakan penari wanita atau lelaki sebenar, mungkin objektif karya ini tidak tercapai. Mereka mungkin akan hanya memainkan atau menarikan karakter sebagai Mak Nyah tanpa menunjukkan adaptasi kehidupan yang sebenarnya. Maka, persembahan ini berupa tidak asli. Tujuan utama untuk mengangkat isu dan kehidupan penari Mak Nyah ini tidak akan berhasil. Dengan itu, penggunaan penari Mak Nyah yang sebenar menjadikan karya ini lebih kukuh dan asli kerana penari menari sambil berkongsi pengalaman sebenar kehidupan beliau.

Selain menggunakan penari Mak Nyah sebagai penari utama, pemilihan untuk menggunakan penari yang memiliki asas teknik tari kontemporari yang kuat bukanlah suatu yang diinginkan oleh koreografer (Pengkaji 1). Oleh kerana fokus dan tujuan utama karya *RED* adalah mengetengahkan sejarah kehidupan dan pengalaman penari Mak Nyah, maka pemilihan penari untuk persembahan *RED* tidaklah diberi penekanan. Untuk mengatasi kekurangan tersebut, empat penari wanita yang mempunyai asas teknik tari yang kukuh dipilih untuk karya ini. Kewujudan penari wanita ini memberi impak dan dinamik kepada koreografi *RED* dan penari Mak Nyah, dimana penari wanita ini berupa masyarakat yang mempersoalkan situasi dan identiti, serta membuli dan menindas beliau sebagai seorang Mak Nyah.

Pemilihan untuk menggunakan penari wanita berlaku ketika proses perbincangan koreografer dan penari Mak Nyah. Beliau menyatakan bahawa wanita sering memuji kecantikan, keperibadian, keramahan dan bagaimana penari Mak Nyah ini membawa diri apabila berhadapan dengan

masyarakat sekeliling. Akan tetapi, tidak semua wanita menerima diri beliau, malah, ada wanita yang menghina beliau. Pemilihan menggunakan penari wanita adalah untuk melambangkan wanita-wanita yang mengakibatkan permasalahan di dalam kehidupan penari Mak Nyah ini. Penari wanita ini juga melambangkan beberapa sisi negatif sesetengah wanita yang sentiasa mencari kesalahan, kelemahan, dan membuli beliau.

### **Naratif *RED***

Inspirasi untuk menghasilkan karya *RED* adalah dari kajian lapangan yang kami lakukan terhadap Mak Nyah. Kami menggunakan sejarah lisan sebagai kandungan utama dalam menghasilkan karya *RED*. Ia merupakan sebuah karya tari kontemporari. Terdapat empat babak di dalam karya ini dan setiap babak mengetengahkan isu kehidupan, buli, penindasan, harapan dan impian Mak Nyah. Kami menggunakan konsep naratif sebagai tunjang utama bagi mengetengahkan isu-isu yang berlaku terhadap Mak Nyah. Setiap teks dan dialog yang disampaikan oleh penari Mak Nyah ditafsirkan menjadi sebuah naratif akan kehidupan dan pengalaman sebenar beliau sebagai seorang Mak Nyah, manakala kandungan di dalam naratif ini pula adalah berlandaskan kepada kehidupan, situasi, identiti, isu yang dihadapi dan interaksi penari Mak Nyah apabila berhadapan dengan masyarakat. Penggunaan teks dan naratif dikendalikan secara teliti supaya ianya tidak menimbulkan sebarang penyebaran informasi yang salah dan tidak tepat.

Naratif merupakan struktur persembahan yang penting di dalam karya ini, dimana setiap naratif yang disampaikan oleh penari Mak Nyah merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kreasi karya ini dan tunjang bagi persembahan *RED*. Penari Mak Nyah ini juga mempunyai hubungan yang baik dengan beberapa penari Mak Nyah. Interaksi antara penari Mak Nyah subjek kajian ini dan juga Mak Nyah lain juga penting untuk melihat pelbagai aspek kehidupan Mak Nyah.

### **Kandungan *RED***

Melakukan kajian lapangan terhadap golongan Mak Nyah sememangnya memberikan ruang untuk menghasilkan sebuah karya yang kaya dengan penampilan golongan Mak Nyah. Menghasilkan satu karya yang mengangkat isu sensitif seperti isu Mak Nyah merupakan satu perkara yang agak berat dan mencabar. Walaupun penari Mak Nyah ini



tiada halangan dan masalah untuk menonjolkan identiti beliau sebagai seorang Mak Nyah dalam persembahan *RED*, kami masih perlu berhati-hati dan menjaga keselamatan penari Mak Nyah ini agar tiada masalah dan konflik. Walaupun penampilan, perwatakan, percakapan dan suara beliau tidak memperlihatkan diri beliau seorang Mak Nyah, akan tetapi kami masih perlu berhati-hati dalam setiap aspek agar penampilan beliau tidak terlalu menonjol. Walaupun ianya agak mustahil untuk dilakukan tetapi demi menjaga keselamatan beliau, kami cuba sedaya upaya untuk tidak terlalu menonjolkan identiti penari Mak Nyah dan mencari penyelesaian yang lebih kreatif di dalam penghasilan karya *RED*.

Karya *RED* bukan sahaja menampilkan pergerakan tarian semata-mata, tetapi menggunakan monolog dan interaksi antara penari Mak Nyah bersama penari wanita. Koreografi ini mengambil inspirasi dan menggunakan konsep situasi di belakang pentas untuk dijadikan sebuah naratif melalui penceritaan dan teks sebagai konsep utama di dalam persembahan karya ini.

Salah satu faktor utama menghasilkan karya *RED* adalah untuk mencipta koreografi yang memberi kebebasan kepada Mak Nyah untuk meluahkan kreativiti beliau melalui teks, perkataan, percakapan dan penghasilan gerak tari. Proses ini berkait rapat dengan teori *intertextuality* oleh Janet Lansdale. Menurut (Lansdale, 2010, ms. 163) "*intertextuality can be used to demonstrate how different interpretations are possible, how a range of text and traces of texts might prompt them, and how viewers or readers can construct them*". Dapat dikaitkan disini bahawa *intertextuality* membantu untuk membina satu idea dengan melihat beberapa perkataan seperti suara, tubuh badan, dan teks bertulis. Di dalam karya *RED*, koreografer (Pengkaji 1) menggunakan kesemua elemen ini untuk dijadikan sebagai komponen utama dalam mengetengahkan isu yang dihadapi oleh penari Mak Nyah melalui sebuah naratif yang menggunakan elemen penceritaan dan juga teks.

## ***RED*: Koreografi**

### **Babak Monolog**

Dalam karya *RED*, konsep monolog digunakan dimana, tiada pergerakan yang khusus dihasilkan dan dicipta untuk beliau, akan tetapi koreografi yang dihasilkan adalah dengan menetapkan struktur dan turutan

ayat dan teks yang disampaikan oleh penari Mak Nyah. Walaupun teks dan naratif beliau tidak ditetapkan, koreografer masih membimbing dan memberi maklum balas kepada penari Mak Nyah agar beliau mengikuti arah tuju naratif dan kata kunci yang telah ditetapkan oleh koreografer. Kekuatan penari Mak Nyah ini adalah kemahiran berkomunikasi, dimana penari Mak Nyah ini kelihatan sangat selesa apabila koreografer menggunakan konsep naratif ketika proses eksplorasi gerak. Perkara ini merupakan satu perkara yang penting bagi koreografer kerana koreografer perlu sedar akan tahap penyelesaian penari Mak Nyah ini supaya beliau merasa selesa dan yakin ketika menarikan karya ini.

Dalam babak monolog ini, koreografer mencipta semula situasi ketika berada di belakang pentas apabila penari Mak Nyah sedang dalam persiapan menyiapkan diri beliau untuk persembahan kabaret di kelab malam. Di dalam babak monolog ini, koreografer hanya memfokuskan kepada penari Mak Nyah sahaja. Koreografer mencipta semula situasi yang menggambarkan beliau sedang dalam persiapan untuk membuat persembahan tarian kabaret di kelab malam.


Dalam proses persiapan diri dengan situasi sedang bersolek, penari Mak Nyah bermonolog menceritakan kehidupan dan pengalaman beliau kepada orang ramai akan siapa diri sebenar beliau, kehidupan beliau dan apakah pekerjaan sebenar beliau. Teks dan kandungan bagi monolog ini pula adalah seperti sejarah kehidupan, identiti, perasaan, pekerjaan beliau dan pandangan masyarakat terhadap Mak Nyah dan juga diri beliau sebagai seorang penari kabaret. Ketika bermonolog, dapat dilihat bahawa perasaan dan emosi beliau sangat jujur apabila beliau menceritakan segala pengalaman beliau dan mempunyai perasaan *ambivalence* atau ketidakpastian terhadap identiti sebagai seorang Mak Nyah.

Pada permulaan perjalanan kehidupan menjadi seorang Mak Nyah, beliau merasai perasaan yang tidak stabil dan berada di dalam situasi kekeliruan akan identiti beliau. Penari Mak Nyah mempunyai bentuk fizikal badan seperti seorang lelaki tetapi naluri beliau untuk menjadi seorang wanita sangat kuat. Mengikutnya lagi, perasaan ketidakpastian ini sering berlaku pada permulaan penari Mak Nyah ini dalam proses menjadi seorang Mak Nyah.

Menurut (Durlinsky, 2013, para. 1) "*ambivalent thinking leads to avoidance, procrastination, inhibits emotional growth and maturity, and*

*prevents us from reaching our full potential*”. Ini dapat dikaitkan dengan kehidupan penari Mak Nyah, dimana dengan keadaan beliau yang tidak stabil dan masih di dalam fasa untuk mencari dan menerima sepenuhnya perubahan diri dan mencapai tahap potensi sebenar diri beliau sebagai seorang Mak Nyah, masyarakat mula mengambil kesempatan ke atas diri beliau dan mula membuli dan menindas beliau. Oleh yang demikian, penari Mak Nyah sentiasa berada di dalam kedudukan yang tidak stabil atau lebih tepat berada pada situasi *ambivalence*.

Dalam babak monolog yang disampaikan oleh penari Mak Nyah, tiada skrip tetap dan beliau diberikan kebebasan untuk melafazkan monolog, dan akhirnya, babak monolog ini menjadi satu monolog spontan. Ini adalah salah satu faktor yang membuatkan monolog ini menarik kerana cara percakapan dan penyampaian penari Mak Nyah adalah sangat jujur, asli, dan tidak kelihatan seperti paksaan (lihat Rajah 1).



**Rajah 1: Babak monolog  
(Sumber: koleksi peribadi)**

Di dalam babak ini juga, penari Mak Nyah mempersembahkan sebuah tarian kabaret. Terdapat pelbagai bentuk dan jenis persembahan tarian kabaret, bagi karya *RED*, kami telah memilih untuk menggunakan bentuk tarian yang lebih menonjolkan sifat keseksian dan kelincahan penari Mak Nyah sambil diiringi oleh iringan lagu yang bertajuk *Sparkling Diamonds*. Persembahan kabaret adalah sebuah persembahan dimana

pergerakan tarian tidak ditetapkan dan ianya adalah lebih berbentuk improvisasi dan memerlukan penari Mak Nyah menggerakkan bibir dan memimikkan lagu tersebut mengikut perasaan dan kemahuan penari Mak Nyah berdasarkan muzik yang digunakan. (lihat Rajah 2).



**Rajah 2: Babak Tari Kabaret**  
(Sumber: koleksi peribadi)


Penari Mak Nyah dapat dilihat tidak mempunyai sebarang masalah untuk menyampaikan perasaan dan emosi beliau kerana persembahan tarian *RED* adalah sebuah karya yang secara keseluruhannya adalah kisah sebenar kehidupan beliau sebagai seorang Mak Nyah dan juga penari kabaret kelab malam. Oleh itu amat mudah untuk beliau mentafsirkan dan menyampaikan emosi beliau di dalam karya ini. Karakter beliau sebagai seorang penari kabaret juga terserlah dimana beliau bebas berinteraksi dan melakukan pergerakan yang mempersona dan penuh keghairahan.

### **Interaksi Antara Penari Wanita**

Babak kedua adalah babak interaksi antara penari wanita. Perkara utama yang lakukan adalah mencari maklumat dan informasi dari penari Mak Nyah itu sendiri, dimana koreografer mengumpul dan mengetahui segala pengalaman dan situasi yang pernah ditempuhi dan diharungi oleh penari Mak Nyah ini ketika menjalani kehidupan harian beliau sebagai seorang penari Mak Nyah. Koreografer terjemahkan situasi yang pernah

dilalui oleh penari Mak Nyah melalui satu pergerakan dan teks yang akan dilakukan oleh beberapa penari yang lain. Kebanyakan situasi yang pernah dilalui oleh beliau adalah melalui media sosial. Terdapat segelintir masyarakat yang mencari kesalahan dan kekurangan beliau, sebagai contoh, walaupun rupa fizikal beliau seperti seorang wanita akan tetapi sesetengah masyarakat mempersendakan beliau sebagai bukan wanita tulen. Beliau sering memuat naik situasi yang terjadi kepada beliau. Situasi ini melibatkan babak sebenar dimana masyarakat memperkecilkan, menghina, dan mempersoalkan beliau.

Kajian ini mendapati isu ini penting dan kami telah meminta penari Mak Nyah untuk meluahkan situasi dan pengalaman tersebut melalui sebuah teks persembahan. Contoh satu situasi adalah dimana penari Mak Nyah memuat naik pemakaian beliau di dalam media sosial dan penari wanita memberi reaksi kepada teks beliau dengan cara yang sangat skeptikal (lihat Rajah 3). Walaupun penari Mak Nyah ini yakin dan pasti akan identiti beliau sebagai seorang Mak Nyah, akan tetapi masyarakat sekeliling membuatkan beliau sentiasa berada di dalam keadaan *ambivalence* dan ketidakpastian akan identiti sebenar beliau.



**Rajah 3: Babak Interaksi Antara Penari Wanita  
(Sumber: koleksi peribadi)**

### **Babak Interaksi Bersama Wanita (buli)**

Babak ini merupakan babak dimana penari Mak Nyah digambarkan seperti sedang dibuli dan ditindas oleh penari wanita. Pergerakan yang dilakukan dan dihasilkan pula adalah lebih kasar untuk menunjukkan suasana seseorang sedang dibuli oleh seseorang. Ia adalah satu proses koreografi yang jelas memperlihatkan bahawa beliau kelihatan seperti dalam kesusahan dan kepayahan kerana telah dibuli dan ditindas oleh penari yang lain. Manakala bentuk pergerakan pula adalah berbentuk representasi atau perlambangan dimana pergerakan yang dilakukan menggambarkan situasi yang sedang berlaku.

Dari segi pemilihan gerak, koreografer memfokuskan pada pergerakan yang dicipta oleh penari Mak Nyah terlebih dahulu. Seterusnya koreografer menggunakan pergerakan penari Mak Nyah ini sebagai penanda aras untuk menghasilkan satu gerakan yang perlu dilakukan oleh penari wanita. Untuk babak ini, koreografer tidak menetapkan dan memberi gerakan yang harus dilakukan oleh penari Mak Nyah, Akan tetapi, penari Mak Nyah menggunakan tubuh badan beliau sendiri untuk mencipta pergerakan. Ini adalah penting kerana penari Mak Nyah ini bukanlah seorang penari tari kontemporari dan tidak mempunyai teknik tarian kontemporari yang kuat. Koreografer menggunakan Mak Nyah itu sendiri untuk menghasilkan pergerakan yang sesuai mengikut naratif beliau.

Akan tetapi, situasi dan kondisi badan penari Mak Nyah itu sendiri menghadkan koreografer dari mencipta satu pergerakan atau tarian yang teknikal. Penari Mak Nyah mengalami kesukaran untuk menerima dan mengadaptasi pergerakan yang diberikan oleh koreografer. Pergerakan yang dilakukan oleh beliau seakan tidak semulajadi dan bahasa tubuh badan beliau memperlihatkan ketidakselesaan untuk menerima pergerakan yang diberikan oleh koreografer. Dapat dilihat bahawa pergerakan yang ditafsirkan dan dilakukan oleh beliau pula kelihatan tidak sempurna dan kekok. Beliau tidak mempunyai pengalaman dalam tarian kontemporari dan tidak mengetahui akan teknik asas tarian kontemporari (lihat Rajah 4).

Cabaran yang hadapi oleh koreografer ketika proses latihan menyiapkan karya *RED* adalah dari segi penciptaan dan penghasilan gerak. Koreografer tidak menggunakan pengalaman dan tubuh badan koreografer sendiri bagi mencipta atau menghasilkan satu pergerakan untuk penari

Mak Nyah, akan tetapi penari Mak Nyah menggunakan badan beliau sendiri untuk menghasilkan pergerakan. Akan tetapi kekurangan ini menjadi satu kelebihan kerana badan penari Mak Nyah itu menghasilkan pergerakan yang berbeza tetapi asli dan bermakna.



**Rajah 4: Babak Interaksi Bersama Wanita (buli)**  
(Sumber: koleksi peribadi)

Tugas koreografer adalah untuk menerima kekurangan penari Mak Nyah ini dan mengambil inisiatif lain bagi membantu penari Mak Nyah ini mencipta pergerakan yang sesuai untuk beliau. Ketika proses eksplorasi gerak tari dilakukan, penari wanita tidak mempunyai kekangan dan masalah dalam melakukan aktiviti ini kerana mereka mempunyai latar belakang dan asas teknik tari kontemporari yang baik, dan mereka memahami akan keperluan dan kemahuan koreografer. Dari segi emosi pula, kesemua penari menyampaikan emosi dari segi pergerakan dan ekspresi riak muka yang bersesuaian dengan naratif.

### **Babak Suara Mak Nyah**

Babak empat merupakan babak suara Mak Nyah, dimana koreografer ingin memfokuskan pada suara penari Mak Nyah dan juga suara Mak Nyah yang lain. Koreografer menggunakan penari Mak Nyah

sebagai pengantara kepada suara Mak Nyah lain untuk menyampaikan pandangan, kemahuan, keinginan dan harapan mereka. Ketika proses menghasilkan koreografi dalam babak ini, koreografer menggunakan semula data yang di perolehi ketika melakukan kajian etnografi bersama Penari Mak Nyah dan juga Mak Nyah lain. Suara mereka ini dijadikan sebagai satu teks dan bahan untuk diketengahkan dan disampaikan oleh penari Mak Nyah itu sendiri. Menggunakan penari Mak Nyah sebagai pengantara kepada suara Mak Nyah ini adalah penting kerana penari Mak Nyah dan Mak Nyah yang lain melalui pengalaman yang hampir sama.

Di dalam babak ini, koreografer tidak menghasilkan pergerakan yang terlalu rumit dan hanya memfokuskan kepada setiap teks yang disampaikan. Koreografer membimbing penari Mak Nyah untuk menghasilkan pergerakan berdasarkan teks yang diluahkan. Koreografer juga memberi kebebasan kepada Mak Nyah untuk melakukan eksplorasi gerak secara spontan berdasarkan ayat yang dilontarkan. Ketika proses penghasilan pergerakan, koreografer memberi beberapa pergerakan kepada penari Mak Nyah, akan tetapi dapat dilihat bahawa penari Mak Nyah ini tidak selesa dengan pergerakan yang diberikan. Untuk memastikan pergerakan beliau lebih asli dan semulajadi, koreografer akhirnya memutuskan untuk memberi kebebasan kepada penari Mak Nyah untuk menginterpretasikan sendiri pergerakan beliau berdasarkan teks yang disampaikan.

Tujuan utama penghasilan koreografi *RED* adalah untuk menumpukan kepada isu, kehidupan, pengalaman, ketidakstabilan dan ketidakpastian pada diri seorang penari Mak Nyah. Ianya memberi ruang kepada Mak Nyah untuk memberitahu masyarakat mengenai dilemma kehidupan mereka secara kritikal.

## **Kesimpulan**

Kajian lapangan terhadap penari Mak Nyah dan juga Mak Nyah lain memberi pengetahuan dan inspirasi untuk menghasilkan karya *RED* yang fokus kepada sejarah lisan kehidupan dan pengalaman penari Mak Nyah. Dengan melakukan kajian lapangan terhadap penari Mak Nyah, kami berjaya mengumpul data dan informasi, dan seterusnya menggunakan kesemua data yang dikumpul dan dijadikan sebagai isi kandungan dan intipati dalam menghasilkan pergerakan, penceritaan, dan teks. Kesemua elemen-elemen ini digunakan dan sekaligus menguatkan lagi koreografi



karya tari kontemporer. Kajian ini menunjukkan kekuatan tari sebagai elemen untuk menengahkan isu semasa, di sini, isu Mak Nyah, secara lebih mendalam.

## Rujukan

- Buchanan, S (2018). *So What Is Ambivalence Anyway?*. Retrieved from <https://www.lindapaulkbuchanan.com/post/so-what-is-ambivalence-anyway>
- Cambridge Dictionary. *Ambivalence*. Retrieved from <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/ambivalence>
- Durlofsky, P. (2013). *Dealing with uncertainty: How to Cope with Ambivalence in Decision-Making*. Retrieved from <https://mainlinetoday.com/life-style/health/dealing-with-uncertainty-how-to-cope-with-ambivalence-and-decision-making/>
- Joni, L. J. (2002). *Performance Ethnography: The Role of Embodiment in Cultural Authenticity*. Theatre Topics (ms.1-15). Johns Hopkins University Press. Retrieved from Doi: <https://doi.org/10.1353/tt.2002.0004>
- Justice for Sisters (2015). *Tentang Identiti Gender & Individu dan Komuniti Transgender*. Panduan Media. (pp. 3-4).
- Lansdale, J. (2010). *A Tapestry of Intertexts Dance Analysis For The Twenty-first Century*. (p. 163) Routledge: 2 Park Square, Milton Park, Abingdon, Oxon.